

19/03/1998

Hikmah sebalik kegawatan ekonomi

KUALA LUMPUR, Rabu - Kegawatan ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asia Tenggara membantu meningkatkan pengurusan kewangan dan mengurangkan amalan pembaziran di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masalah itu mendedahkan berlaku pembaziran dalam sektor awam dan swasta, dengan terlalu ramai orang melakukan perkara remeh dan perbelanjaan diuruskan tanpa usul periksa.

"Krisis (kewangan) itu menyebabkan kita semua mengkaji semula kos. Setiap bentuk perbelanjaan dikaji dengan terperinci dan jika tidak ada keperluan, pemotongan terpaksa dilakukan.

"Asas kewangan negara terbabit bagaimanapun akan lebih kukuh akibat kegawatan ekonomi itu," katanya berucap pada Forum Antarabangsa Emiriyah di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang ini.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan dan rakyat Asia Timur selama beberapa dekad lalu menghantar belia mereka untuk belajar di luar negara, khususnya di negara Barat yang lebih maju.

Penghantaran pelajar itu memberi kesan kepada tabungan negara dengan jumlah penuntut Malaysia saja merangkumi 50,000 orang pada satu-satu masa, sedangkan kos pembelajaran meningkat setiap tahun.

Bagaimanapun, penekanan tinggi yang diberi terhadap bidang pendidikan menyebabkan rakyat Asia Timur tidak pernah menitikberatkan isu kos, sebaliknya menganggap ia dibelanjakan dengan baik.

"Hari ini, mereka tidak boleh (beranggapan demikian). Bagaimanapun, oleh kerana pendidikan masih dianggap penting, mereka terpaksa mencari alternatif lain pada kos lebih rendah.

"Pelajar kini dibawa pulang ke universiti baru yang kini tersebar meluas di seluruh Asia Timur. Kualiti pendidikan, yang sebelum ini sememangnya tinggi, dikekalkan.

"Selain pelajar yang pulang ke tanah air sebelum menamatkan pelajaran di luar negara, ada juga pelajar baru yang dididik sepenuhnya di universiti tempatan," katanya sambil menambah, langkah itu akan membantu menjadikan Asia Tenggara pusat kecemerlangan pendidikan untuk pelajar asing.

Menurut Dr Mahathir, salah satu keputusan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok tahun lalu ialah untuk menggalakkan pelajar Eropah melanjutkan pendidikan di universiti Asia.

Selama berkurun pelajar Asia melanjutkan pendidikan di Eropah dan dalam proses yang sama, bukan saja memperolehi pengetahuan tetapi menyanjung kebudayaan benua itu.

"Bagaimanapun, orang Eropah tidak pernah tinggal di Asia sebagai pelajar, dan mendapati mereka menghadapi masalah dalam menjalankan urusan dengan rakyat dan negara Asia.

"Mungkin dengan belajar di universiti Asia, pemimpin dan ahli perniagaan Eropah pada masa depan boleh memahami dan melaksanakan hubungan yang lebih erat dengan Asia serta rakyatnya," katanya.

(END)